

SOALAN LAZIM
Kempen Jom Daftar MyDigital ID

1. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan kempen **Jom Daftar MyDigital ID**?

Jawapan:

Kempen **Jom Daftar MyDigital ID** bertujuan untuk menggalakkan pengguna myPTPTN menggunakan MyDigital ID sebagai salah satu kaedah log masuk yang lebih mudah, pantas dan selamat.

2. Soalan:

Bilakah kempen ini akan bermula?

Jawapan:

Kempen ini akan bermula pada **1 Disember 2025** dan **berakhir pada 31 Januari 2026**.

3. Soalan:

Siapakah yang **layak** untuk menyertai kempen ini?

Jawapan:

Kempen ini terbuka kepada pengguna myPTPTN yang mendaftar MyDigital ID di dalam tempoh kempen.

4. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan **MyDigital ID**?

Jawapan:

MyDigital ID ialah sistem identiti digital yang selamat dan diiktiraf kerajaan untuk tujuan pengesahan identiti dalam talian.

5. Soalan:

Apakah syarat penyertaan bagi kempen ini?

Jawapan:

Pengguna perlu **mendaftar MyDigital ID sehingga selesai** di dalam tempoh kempen

6. Soalan:

Berapakah kelayakan cabutan bagi kempen ini?

Jawapan:

Satu (1) kelayakan cabutan bagi pengguna myPTPTN yang berjaya mendaftar MyDigital ID di dalam tempoh kempen.

7. Soalan:

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan penyertaan kempen ini?

Jawapan:

Tidak perlu kerana kelayakan bagi menyertai kempen ini adalah secara automatik selagi memenuhi terma dan syarat.

8. **Soalan:**
Sekiranya berlaku kematian kepada pengguna myPTPTN dalam tempoh kempen, adakah pengguna myPTPTN tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:

Layak, pengguna myPTPTN tersebut masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat kempen.

9. **Soalan:**
Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

Jawapan:

Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah:-

PEMENANG	HADIAH	BILANGAN PEMENANG
Pertama	Samsung Galaxy A55 5G	6
Kedua	JBL Headphone	7
Ketiga	ICE Watch 2.0	7
JUMLAH		20

10. **Soalan:**
Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

Jawapan:

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah **DUA PULUH (20) HARI** selepas tamat tempoh kempen. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

11. **Soalan:**
Bagaimanakah makluman kepada pemenang kempen ini akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon/ hebahan di laman web rasmi PTPTN atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.

12. **Soalan:**
Bilakah hadiah berbentuk barangan akan diserahkan kepada pemenang?

Jawapan:

Hadiah berbentuk barangan yang dimenangi akan dihantar dalam **tempoh DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan.

13. **Soalan:**
Bagaimanakah penghantaran hadiah pemenang akan dilakukan?

Jawapan:

Hadiah akan dihantar mengikut alamat terkini yang telah didaftarkan di myPTPTN.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh **Kempen Jom Daftar MyDigital ID**

Maklumat dikemaskini pada 24 November 2025